

JAWAPAN



Perjanjian Hudaibiyah dan Pembukaan Kota Mekah

1. (a) Rasulullah SAW berangkat ke kota Mekah bersama para sahabat seramai 1 400 orang.
 (b) Kedatangan rombongan Rasulullah SAW diketahui oleh Musyrikin Mekah dan menghalang rombongan baginda daripada memasuki Mekah.
 (c) Rasulullah berhenti di Hudaibiyah dan dikunjungi oleh Budail bin Warqal yang menjadi perantara Rasulullah dengan Musyrikin Mekah.
 (d) Sayidina Uthman bin Affan diutus Rasulullah SAW menemui Musyrikin Mekah untuk menerangkan kedatangan mereka dan beliau ditahan sehingga tersebar berita kematiannya.
 (e) Suhail bin Amru dihantar oleh Musyrikin Mekah untuk membuat perjanjian dengan Rasulullah sehingga termeterai Perjanjian Hudaibiyah.
2. (a) Pasukan tentera bermalam di Marru Az-Zahran dengan menyalakan 10000 unggun api.
 (b) Rasulullah meneruskan perjalanan pada 17 Ramadan menyebabkan Musyrikin Mekah terkejut dengan kedatangan tentera Islam.
 (c) Rasulullah membahagikan tentera Islam kepada empat pasukan dengan diketuai empat panglima, iaitu Rasulullah, Khalid bin Al-Walid, Zubair bin Al-Awam dan Abu Ubaidah Al-Jarrah dan masuk ke kota Mekah dari arah yang berbeza.
 (d) Mekah berjaya dibuka pada tahun ke-8 Hijrah (630 Masihi).
3. (a) Menegakkan syiar Islam.
 (b) Menyeru amar makruf dan nahi mungkar.
 (c) Menguruskan pentadbiran Mekah.
 (d) Memaafkan kesalahan penduduk Mekah.
4. • Petunjuk Allah SWT
 • Strategi Rasulullah SAW
 • Tentera Islam mempunyai semangat jihad yang tinggi dan berdisiplin
 • Musyrikin Mekah yang bertambah lemah
5. (a) Ciri-ciri kepimpinan berdasarkan syariat Islam supaya agama Islam dihormati
 (b) Sesuatu tugas hendaklah terancang untuk menjamin kejayaan tugas tersebut

- (c) Kita hendaklah memaafkan kesalahan orang lain kerana semua manusia berhak mendapat kemaafan

6. Aktiviti murid

POWER PT3

Bahagian A

- | | | | | |
|------|------|------|------|-------|
| 1. C | 2. C | 3. D | 4. D | 5. D |
| 6. C | 7. C | 8. C | 9. C | 10. A |

Bahagian E

1. (a) (i) Petunjuk Allah SWT
 (ii) Strategi Rasulullah SAW
 (iii) Tentera Islam mempunyai semangat jihad yang tinggi
- (b) (i) ✓
 (ii) ✓
 (iii) ✗
- (c) (i) Menegakkan syiar Islam
 (ii) Amar makruf dan nahi mungkar
 (iii) Menguruskan pentadbiran Mekah
 (iv) Memaafkan kesalahan penduduk Mekah

POWER KBAT

1. Saya dapat mengambil iktibar melalui perjanjian tersebut dengan mengamalkan sikap toleransi dalam kehidupan seperti menghormati pendapat dan fikiran orang lain ketika dalam perbincangan. Melalui sikap ini akan menyebabkan kehidupan menjadi tenang dan tenteram. Oleh itu, kita hendaklah mengamalkan sikap toleransi supaya perpaduan umat Islam menjadi kukuh.
2. Saya akan sentiasa belajar dengan bersungguh-sungguh dalam pembelajaran supaya dapat meningkatkan imej diri sekali gus imej umat Islam. Hal ini kerana menuntut ilmu juga telah dianggap sebagai berjihad dalam Islam. Oleh itu, kita hendaklah tekun dalam pembelajaran agar diri dan umat Islam dipandang tinggi oleh orang lain.
3. Murid-murid perlulah dididik untuk meningkatkan disiplin diri dengan mematuhi peraturan dan arahan pengetua serta guru-guru. Setiap apa yang dilakukan oleh guru juga perlulah teliti dan teratur seperti ketika menjalankan program sekolah sebagaimana teraturnya rancangan Rasulullah SAW membuka kota Mekah. Oleh itu, semua pihak bertanggungjawab dalam usaha membentuk disiplin murid.